



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 44
No. 23

9hb November 2000

*TAMBAHAN No. 119
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 410.

AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980

PERINTAH AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 19A Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan Jadual Pertama) 2000**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 5 April 1995.

Pindaan Jadual Pertama

2. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*] dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) dalam perenggan 4—

(i) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) subperenggan yang berikut:

“(1A) Walau apa pun perenggan kecil (1), Ahli yang berhenti memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara, atau Yang di-Pertua Dewan Rakyat tetapi terus menjadi Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat bolehlah dibayar ganjaran yang dihitung di bawah perenggan kecil (1).

(1B) Walau apa pun perenggan kecil (1) dan tertakluk kepada perenggan kecil (1c), Anggota Pentadbiran yang berhenti memegang jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen dan—

(a) terus menjadi Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat; atau

(b) berhenti menjadi Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat,

boleh diberikan ganjaran yang dihitung berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{1}{48} \times \text{gaji} \times 12 \times \text{tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira}$$

(1c) Bagi maksud menghitung ganjaran berdasarkan formula yang dinyatakan dalam perenggan kecil (1B), “tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira” ialah tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira sebagai Ahli setakat tujuh puluh dua bulan dan jika tempoh itu melebihi tujuh puluh dua bulan, hanya apa-apa tempoh perkhidmatan sebagai Anggota Pentadbiran sahaja hendaklah dimasukkan kira.

(1D) Jika seseorang Anggota Pentadbiran telah dibayar ganjaran di bawah perenggan kecil (1) atau perenggan 4A, ganjaran itu hendaklah dipotong daripada ganjaran yang kena dibayar kepadanya di bawah perenggan kecil (1B).

(1E) Jika suatu ganjaran kena dibayar kepada seseorang Ahli di bawah perenggan kecil (1) atau (1A) tetapi ganjaran itu kurang daripada ganjaran yang telah dibayar kepadanya di bawah perenggan kecil (1B), ganjaran itu hendaklah disifatkan telah dibayar kepada Ahli itu bagi apa-apa tempoh perkhidmatannya yang boleh dimasukkan kira di bawah Akta ini.”;

- (ii) dalam subperenggan (2), dengan menggantikan perkataan “di bawah perenggan ini” dengan perkataan “di bawah perenggan kecil (1), (1A) atau (1B), mengikut mana-mana yang berkenaan,”;
- (iii) dalam subperenggan (3), dengan menggantikan perkataan “di bawah perenggan ini” dengan perkataan “di bawah perenggan kecil (1), (1A) atau (1B), mengikut mana-mana yang berkenaan”; dan
- (iv) dengan memotong subperenggan (4);

(b) dalam perenggan 4A—

- (i) dalam subperenggan (1), dengan memotong perkataan “tidak melebihi 72 bulan”;
- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) subperenggan yang berikut:

“(1A) Bagi maksud menghitung ganjaran berdasarkan formula yang dinyatakan dalam perenggan kecil (1), “tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira” ialah tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira sebagai Ahli setakat tujuh puluh dua bulan dan jika tempoh itu melebihi tujuh puluh dua bulan, hanya apa-apa tempoh perkhidmatan sebagai Anggota Pentadbiran hendaklah dimasukkan kira”; dan

- (iii) dalam subperenggan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “di bawah perenggan ini” perkataan “atau perenggan kecil (1) atau (1B) perenggan 4, mengikut mana-mana yang berkenaan”; dan

(c) dalam subperenggan 5(1) dan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “perenggan 4” perkataan “atau perenggan 4A, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

Dibuat 23 Oktober 2000.

[JPA/PEN(R) 228/6/6-13; PN(PU²)369/IV]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Setiausaha Jemaah Menteri

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) ACT 1980

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2000

IN exercise of the powers conferred by paragraph 19A of the First Schedule to the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 [Act 237], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Members of Parliament (Remuneration) (Amendment of First Schedule) Order 2000**.

(2) This Order shall be deemed to have come into operation on 5 April 1995.

Amendment of First Schedule

2. The Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 [Act 237] is amended in the First Schedule—

(a) in paragraph 4—

(i) by inserting after subparagraph (1) the following subparagraphs:

“(1A) Notwithstanding subparagraph (1), a Member who ceases to hold the office of President of the Senate, or Speaker of the House of Representatives but continues to be a Member of either House of Parliament may be paid a gratuity calculated under subparagraph (1).

(1B) Notwithstanding subparagraph (1) and subject to subparagraph (1C), a Member of the Administration who ceases to hold the office of Prime Minister, Deputy Prime Minister, Minister, Deputy Minister or Parliamentary Secretary and—

(a) continues to be a Member of either House of Parliament; or

(b) ceases to be a Member of either House of Parliament,

may be granted a gratuity calculated on the following formula:

$$1/48 \times \text{salary} \times 12 \times \text{period of reckonable service}$$

(1C) For the purposes of calculating the gratuity based on the formula stipulated in subparagraph (1B), “period of reckonable service” shall be the period of reckonable service as a Member up to seventy-two months and if such period exceeds seventy-two months, only such period of service as a Member of the Administration shall be reckoned.

(1D) If a Member of the Administration has been paid a gratuity under subparagraph (1) or paragraph 4A, such gratuity shall be deducted from the gratuity that falls due to be payable to him under subparagraph (1B).

(1E) If a gratuity falls due to be payable to a Member under subparagraph (1) or (1A) but that gratuity is less than the gratuity that had been paid to him under subparagraph (1B), the gratuity shall be deemed to have been paid to such Member for any period of his reckonable service under this Act.”;

(ii) in subparagraph (2), by substituting for the words “under this paragraph” the words “under subparagraph (1), (1A) or (1B), as the case may be,”;

- (iii) in subparagraph (3), by substituting for the words “under this paragraph” the words “under subparagraph (1), (1A) or (1B), as the case may be”; and
- (iv) by deleting subparagraph (4);
- (b) in paragraph 4A—
 - (i) in subparagraph (1), by deleting the words “not exceeding 72 months”;
 - (ii) by inserting after subparagraph (1) the following subparagraph:

“(1A) For the purposes of calculating the gratuity based on the formula stipulated in subparagraph (1), “period of reckonable service” shall be the period of reckonable service as a Member up to seventy-two months and if such period exceeds seventy-two months, only such period of service as a Member of the Administration shall be reckoned.”; and
 - (iii) in subparagraph (3), by inserting after the words “under this paragraph” the words “or subparagraph (1) or (1B) of paragraph 4, as the case may be”; and
- (c) in subparagraphs 5(1) and (2), by inserting after the words “paragraph 4” the words “or paragraph 4A, as the case may be”.

Made 23 October 2000.

[JPA/PEN(R) 228/6/6-12; PN(PU²)369/IV]

By Command,

TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 411.

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA 1992

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (PENGECCUALIAN) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 [*Akta 491*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembangunan Sumber Manusia (Pengeccualian) 2000**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1995.